

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
31 JULAI 2012**

---

**1. PENANG CHINESE CHAMBER OF COMMERCE (PCCC) YOUNG ENTREPRENEUR SECTION**

Untuk makluman semua, Mesyuarat Majlis Penuh kita pada hari ini turut disertai oleh *Penang Chinese Chamber Of Commerce (PCCC) Young Entrepreneur Section* dan selepas Mesyuarat Majlis Penuh dan sesi sidang akhbar, akan diadakan dialog bersama mereka bertempat di Bilik Mesyuarat Anggerik.

**2. e-MESYUARAT**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Penuh pada hari ini, MPSP telah menggunakan sepenuhnya peralatan komunikasi seperti yang telah diedarkan kepada semua Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan pada 15 Jun 2012 yang lalu. Penggunaan sepenuhnya e-Mesyuarat ini telah mula dilaksanakan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pengindahan pada 11 Julai 2012, dalam usaha meningkat dan memantapkan lagi prestasi kerja serta memenuhi keperluan dalam melaksanakan tugas, seiring dengan slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*". Melalui peralatan komunikasi ini juga, akan dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian dan mengurangkan kos percetakan. Usaha ini akan dapat membantu memelihara alam sekitar melalui pengurangan penggunaan kertas.

**3. SELAMAT BERPUASA DAN SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI**

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa kepada muslimin dan muslimat dan hari ini merupakan hari yang ke-11, kita berpuasa. Di sini juga saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Islam yang dijangka akan disambut pada 19 Ogos 2012.

**4. PEGAWAI BARU BERJAWATAN TETAP  
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Sebagai makluman, MPSP telah melantik lima (5) orang Pegawai Pengurusan & Profesional ke jawatan tetap pada 2 Julai 2012 di dalam usaha memantapkan lagi pentadbiran Majlis. Berikut, saya perkenalkan pegawai tersebut, iaitu ;

- i. Pegawai Penguatkuasa N41 ditugaskan di Direktorat Penguatkuasaan iaitu;
  - Encik Nazri bin Abdul Wahab
  - Encik Mohd Faidrol Mohd Radzi dan
  - Encik Saiful Azri bin Salleh
- ii. Jurutera J41 iaitu Puan Nadia Faradila Jalawi ditugaskan di Jabatan Kejuruteraan dan
- iii. Arkitek Landskap J41 iaitu Puan Siti Fatimah Ismail ditugaskan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

**5. KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI PULAU  
PINANG**

Dimaklumkan bahawa Hari Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-55 akan disambut di seluruh negara tidak lama lagi. Di Peringkat Negeri Pulau Pinang, acara sambutan dimulakan dengan program Kempen Kibar Jalur Gemilang. Kerajaan Negeri memilih tema Hari Kemerdekaan untuk tahun ini adalah “Budaya Bersih, Merdekakan Rakyat”. Sehubungan itu, adalah diharapkan semua warga Seberang Perai terutama pemilik premis perniagaan dapat menghias premis, kediaman, bangunan dan kawasan dengan mengibarkan Jalur Gemilang serta memasang lampu-lampu hiasan berwarna-warni pada waktu malam sepanjang perayaan ini. Kempen ini bermula pada 19 Julai 2012 sehingga 16 September 2012 yang merupakan Hari Malaysia. Kerjasama daripada semua pihak, menjayakan Kempen Kibar Jalur Gemilang didahului dengan ucapan terima kasih.

## 6. PENGURNIAAN PINGAT HARI JADI YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas anugerah yang telah dikurniakan sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas Negeri Yang Ke-74 yang lalu, iaitu ;

Senarai Nama Kakitangan Yang Menerima Kurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 seperti berikut:

Bil	Nama Kakitangan	Jawatan	Jabatan	Kurniaan
1	Mat Nasir Bin Hassan	Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta	Penilaian & Pengurusan Harta	PKT
2	Baderul Amin Bin Abd Hamid	Timbalan Pengarah Kejuruteraan	Kejuruteraan	PKT
3	Norliza Binti Abdullah	Timbalan Pengarah Perancang Bandar	Perancang Bandar	PKT
4	Raju a/l Muniandy	Penolong Pegawai Kesihatan dan Persekitaran	Skuad Khas	PJK
5	Foong Cheong Lan	Pembantu Tadbir Kanan	Khidmat Pengurusan	PJK
6	Sulaiman bin Mohd Rawi	Polis Bantuan	Undang-Undang	PJK
7	Aida bt Ishak	Penolong Akauntan	Perbendaharaan	PJM
8	Che Amah binti Basha	Pen Pegawai Penilaian	Penilaian & Pengurusan Harta	PJM
9	Azizi bin Mohamed	Pen Perancang Bandar	Perancang Bandar	PJM
10	Meor Amri bin Md Noor	Pen Pegawai Veterinar	Perkhidmatan Kesihatan	PJM
11	Mokhtar bin Sariman	Juruteknik	Bangunan	PJM
12	Ismail bin Sharif	Pembantu Veterinar	Perkhidmatan Kesihatan	PJM
13	Lailia binti Adnan	Pelukis Pelan	Perancang Bandar	PJM
14	Zulkifle bin Mustafa	Pembantu Penguatkuasa	Direktorat Penguatkuasaan	PJM
15	Selvarajoo a/l Krishnasamy	Pemandu Kenderaan	Perkhidmatan Kesihatan	PJM
16	Agustin a/l Anthonysamy	Pemandu Kenderaan	Skuad Khas	PJM

17	Che Harun bin Che Min	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PJM
18	Chandran a/l Govindan	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PJM
19	Paramasevam a/l Thanimalai	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PJM
20	Yusof bin Osman	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PJM
21	Aziz bin Othman	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PJM
22	Paresiven a/l Nadeson	Pekerja Awam	Skwad Khas	PJM
23	Selvam a/l Sinnasamy	Pekerja Awam	Skwad Khas	PJM
24	Halim bin Abdullah	Pekerja Awam	Skwad Khas	PJM
25	Mohd Jelani bin Ismail	Pekerja Awam	Skwad Khas	PJM
26	Mohamad Aher Wahab	Pekerja Awam	Kejuruteraan	PJM
27	Parkash Kaur a/p Mangal Singh	Pembantu Tadbir	Khidmat Pengurusan	PBS
28	Abdul Razak bin Samsudin	Tukang Cat	Kejuruteraan	PBS
29	Wahab bin Mat	Mandor	Kejuruteraan	PBS
30	Jayabala a/l Rengayah	Pemandu Kenderaan	Skwad Khas	PBS

Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima pingat, diharapkan penganugerahan ini akan meningkatkan semangat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang lagi.

#### **7. SIJIL BERSIH KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DIS 2011**

Dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima Sijil Bersih Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2011 pada 25 Julai 2012 iaitu selepas Mesyuarat Exit Conference Mengenai Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 2011. Sijil ini telah disampaikan oleh Haji Amir Zaki bin Ahmad, Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang bagi pihak Ketua Audit Negara. Penganugerahan Sijil Bersih Akaun ini juga menunjukkan kecemerlangan perkhidmatan MPSP.

## **8. HARI NUZUL AL-QURAN HARI KELEPASAN AM PULAU PINANG**

Dimaklumkan Hari Nuzul Al-Quran adalah merupakan Hari Kelepasan Am Pulau Pinang dan dijangka jatuh pada 6 Ogos 2012 (Isnin) bersamaan 17 Ramadhan yang merupakan peristiwa turunnya ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w.

**Sekian, terima kasih.**